

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN,
FASc
NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA
MAJLIS MENANDATANGANI MoU
ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DENGAN
ASOSIASI PERGURUAN TINGGI REKAM MEDIS DAN
MANAJEMEN INFORMASI KESEHATAN INDONESIA
(APTIRMIKI);
UNIVERSITAS JENDERAL ACHMAD YANI;
POLITEKNIK NEGERI JEMBER;
SEKOLAH TINGGI STIKes MITRA HUSADA
KARANGSANYAR;
STIKES YAYASAN RS DR SOETOMO;
AKADEMI PEREKAM DAN INFORMASI KESEHATAN
(APIKES) IRIS**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(SALUTASI – BERDASARKAN KEHADIRAN)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat hadir pada hari ini dalam satu lagi peristiwa penting untuk memeterai perjanjian kerjasama strategik antara Universiti Teknologi MARA dengan beberapa organisasi dari negara jiran kita iaitu Indonesia. Uniknya kali ini, MOU ini akan dijalankan serentak, melibatkan beberapa institusi iaitu;

- **ASOSIASI PERGURUAN TINGGI REKAM MEDIS DAN MANAJEMEN INFORMASI KESEHATAN INDONESIA (APTIRMIKI)**
- **UNIVERSITAS JENDERAL ACHMAD YANI**
- **POLITEKNIK NEGERI JEMBER**
- **SEKOLAH TINGGI STIKes MITRA HUSADA KARANGSANYAR**
- **STIKES YAYASAN RS DR SOETOMO, DAN**

- **AKADEMI PEREKAM DAN INFORMASI KESEHATAN (APIKES) IRIS**

2. Saya terlebih dahulu merakamkan jutaan terima kasih kepada semua organisasi ini kerana sudi menjayakan kerjasama pintar bersama Universiti Teknologi MARA.

3. Bagi pihak UiTM, kami merasa amat berbesar hati dan berbangga dengan berkat kerjasama semua pihak terutamanya ahli jawatankuasa MoU dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), yang telah menatijahkan kesepakatan ini.

Hadirin sekalian,

4. Kolaborasi dan usahasama strategik ini merupakan salah satu daripada inisiatif UiTM ke arah '*GLOBAL BRANDING AND SMART PARTNERSHIP*' selaras dengan perancangan strategik UiTM2025. Ini juga merupakan inisiatif bagi memastikan UiTM sentiasa relevan dalam pembangunan ilmu pengetahuan yang

seiring dengan keperluan industri, di samping memastikan kebolehpasaran graduan dalam konteks *'EDUCATION 5.0'*.

5. UiTM sentiasa yakin bahawa melalui kerjasama seperti ini, pemindahan ilmu dan penerapan nilai-nilai murni yang berterusan, akan melahirkan graduan profesional yang cemerlang yang akhirnya menyumbang bukan hanya untuk kesejahteraan dirinya, malah kepada masyarakat dan negara di kedua-dua belah pihak.

6. Justeru, sebagai sebuah Kolej yang menjadi perintis dalam menyediakan pendidikan profesional dalam bidang pengurusan perpustakaan, sistem maklumat, governans maklumat, pengurusan rekod dan arkib, pengurusan pusat sumber, pengurusan pengetahuan dan pengurusan kandungan maklumat, KPPIM dan Pusat Pengajian Sains Maklumat telah mengambil langkah proaktif merencanakan lagi pembangunan dalam bidang pengurusan maklumat. Maklumat atau rekod mesti diurus mengikut kitar

hayatnya agar memori korporat organisasi atau arkib akan sentiasa terpelihara dan tersedia bila mana diperlukan.

Hadirin sekalian,

7. Saya berharap melalui kerjasama strategik ini akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya dalam aspek perkembangan positif dalam bidang akademik, perkongsian kepakaran, pengetahuan, pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan serta kolaborasi dalam pelbagai perkara.

8. Usaha ini merupakan salah satu langkah untuk menyediakan graduan bertaraf global melalui proses tambah nilai yang berterusan dengan menumpukan kepada peningkatan kepakaran modal insan dan jaringan antarabangsa.

9. Saya yakin kekuatan yang ada pada UiTM dan institusi-institusi dari Indonesia ini akan diperkukuh bagi menjadikan institusi-institusi ini sentiasa saling membantu untuk meningkatkan kualiti kerjasama dalam

bidang pendidikan dan penyelidikan terutamanya bagi mencapai matlamat pengantarabangsaan dalam bidang pendidikan tinggi.

10. Saya juga berharap melalui kerjasama strategik ini, kita akan terus mengukuhkan pembangunan bidang pengurusan maklumat dan menghasilkan produk penyelidikan yang memberikan pelbagai kebaikan kepada seluruh masyarakat di Malaysia dan Indonesia.

11. Seterusnya merencanakan lagi bidang-bidang kerjasama yang sedia ada, di samping menjana bidang kerjasama baharu yang memberi impak dan manfaat kepada semua institusi yang terbabit.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada institusi dan organisasi yang bersama-sama UiTM pada hari ini, atas kerjasama dalam menjayakan MoU ini.

13. Terima kasih juga saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat

secara langsung maupun tidak langsung dalam memastikan penganjuran program pada hari ini berjalan dengan lancar.

Sekian

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**